

KERAJAAN MALAYSIA

PELAKSANAAN PERAKAUNAN PENGURUSAN

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

ISI KANDUNGAN

PERAKAUNAN	
PS 1.3 Pelaksanaan Perakaunan Pengurusan.....	
1. Tujuan	1
2. Latar Belakang	1
3. Pengenalan kepada SMART.....	2
4. Prinsip dan Kerangka SMART	4
5. Faedah Pelaksanaan SMART	12
6. Tadbir Urus SMART	12
7. Tanggungjawab Pegawai Pengawal	14
8. Pembatalan	15
9. Garis Panduan Pelaksanaan Perakaunan Pengurusan	15

PERAKAUNAN

PS 1.3 Pelaksanaan Perakaunan Pengurusan

1. Tujuan

- 1.1 Tujuan Pekeliling ini adalah untuk menerangkan dasar dan pelaksanaan Perakaunan Pengurusan dalam Kerajaan Persekutuan melalui pengenalan Perakaunan Pengurusan dan Pelaporan Strategik atau dikenali sebagai *Strategic Management Accounting and Reporting* (SMART).
- 1.2 Pekeliling ini juga akan memperjelas faedah dan empat (4) elemen teras perakaunan pengurusan meliputi analisis penyata kewangan dan penilaian risiko, pengekoson, analisis sumber dan pengukuran prestasi serta tanggungjawab Pegawai Pengawal dalam pelaksanaannya.

2. Latar Belakang


- 2.1 Malaysia berhasrat untuk menjadi sebuah negara maju dan mampu bersaing pada peringkat yang lebih tinggi. Pada masa yang sama, Malaysia perlu bersedia untuk menghadapi risiko ketidaktentuan ekonomi global yang mungkin memberi kesan kepada kedudukan kewangan negara. Risiko dan matlamat ini menekankan kepentingan pertumbuhan dan pembangunan yang berterusan serta inklusif yang boleh dicapai melalui dasar ekonomi yang anjal, pengurusan kewangan awam yang kukuh dan kedudukan fiskal yang mampan (*sustainable*).
- 2.2 Kerajaan telah melaksanakan Model Ekonomi Baru dengan memperkenalkan Bajet Berasaskan *Outcome* (*Outcome Based Budgeting* – OBB) dan perakaunan akruan.
 - 2.2.1 Pelaksanaan OBB telah dikuatkuasakan oleh Kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan (PP) PB 1.1 Bajet Berasaskan *Outcome*. Dalam melaksanakan OBB ini, pengurusan belanjawan harus memberi penekanan kepada pencapaian impak dan keberkesanan sesebuah program berbanding output dan jumlah perbelanjaan yang telah dibuat sahaja. Pelaksanaan ini bertujuan untuk menyediakan satu mekanisme berstruktur yang menekankan perbelanjaan yang memberikan Nilai Faedah Yang Terbaik (*Best value for money*).

- 2.2.2 Pelaksanaan perakaunan akruan yang digariskan melalui PP PS 1.2 Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan menghendaki agar semua agensi Kerajaan Persekutuan mengiktiraf dan merekod transaksi kewangan pada masa ia berlaku. Selain itu aset akan dipermodalkan dalam tempoh usia gunanya dan liabiliti direkodkan dalam tempoh ia ditanggung sehingga dilunaskan. Penjanaannya penyata kewangan semasa yang lengkap dan menyeluruh dapat memberikan gambaran kedudukan kewangan Kerajaan secara lebih tepat bagi meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan kewangan.
- 2.2.3 Penggabungan kedua-dua inisiatif ini dapat meningkatkan kecekapan dan keberkesanan Kerajaan dalam pengurusan fiskal secara berhemat dan penyampaian perkhidmatan awam yang berkualiti.
- 2.3 Usaha memperkukuh pertumbuhan ekonomi diteruskan oleh Kerajaan melalui pelaksanaan prinsip tadbir urus yang baik, institusi yang kukuh dan integriti yang lebih tinggi. Tumpuan diberikan kepada pengoptimuman perbelanjaan seperti yang dinyatakan dalam PP PB 3.1 Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan, Peningkatan Hasil, Perasionalan Hutang Dan Pemerksaan Produktiviti Perkhidmatan Awam.
- 2.4 Sehubungan itu, langkah-langkah penjimatan, penstrukturan semula, pengenalpastian aset yang boleh dimanfaatkan serta pemantauan komitmen hutang masa hadapan perlu dibuat secara rapi dan holistik. Usaha ini memerlukan data yang lebih telus, tepat dan relevan seperti yang akan dihasilkan oleh SMART.

3. Pengenalan kepada SMART

- 3.1 Pelbagai inisiatif telah diambil oleh Kerajaan bagi menghasilkan data kewangan yang lebih telus, tepat dan relevan. Salah satu daripada usaha tersebut adalah dengan memperkenalkan perakaunan pengurusan melalui Sistem Perakaunan Mikro (SPM) dengan menguatkuasakan Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam (PKPA) Bilangan 3 Garis Panduan Sistem Perakaunan Mikro pada 30 Julai 1992. PKPA Bilangan 3 Tahun 1992 telah diserahkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) melalui surat rujukan MAMPU.BPP.100-1/11 Jld.2 (24) bertarikh 09 April 2012.

- 3.2 SPM merupakan satu kaedah yang digunakan untuk menentukan kos output yang dikeluarkan oleh agensi Kerajaan. Maklumat ini bertujuan memberi gambaran kepada pihak pengurusan berkaitan kos yang terlibat dalam menghasilkan sesuatu produk/perkhidmatan. Maklumat mengenai kos produk/perkhidmatan membantu pihak pengurusan membuat perancangan masa hadapan, pengawalan sumber, penilaian dan penetapan harga output.
- 3.3 Kerajaan akan memperluas dan memantapkan fungsi perakaunan pengurusan semasa dengan memperkenalkan SMART. SMART adalah laporan strategik yang mengandungi elemen analisis penyata kewangan dan penilaian risiko, pengekosan, analisis sumber dan pengukuran prestasi. Fungsi SPM sebelum ini ditambah baik dengan penggunaan data kewangan lengkap yang dihasilkan oleh perakaunan akruan dan data bukan kewangan yang mengambil kira keperluan baharu dalam proses belanjawan semasa. Ia akan menghubungkan perakaunan akruan dengan proses pembuatan keputusan melalui penggunaan sistem elektronik yang mampu berintegrasi antara satu sama lain. Seperti yang diringkaskan di **Rajah 1**, pelaksanaan SMART akan menggunakan dua (2) pendekatan iaitu dari bawah ke atas (*bottom-up approach*) dan diagnosis (*diagnostic approach*). Melalui pendekatan ini, data kewangan yang dihasilkan oleh perakaunan kewangan berasaskan akruan dari peringkat terendah, iaitu Pusat Tanggungjawab (PTJ) sehingga ke peringkat tertinggi Kementerian/Jabatan akan digabungkan dengan data bukan kewangan untuk dianalisis menggunakan teknik yang berfokus.



Rajah 1: Penggunaan Data Kewangan dan Bukan Kewangan dalam Pelaksanaan SMART

- 3.4 Selaras dengan keperluan ini, SMART akan berfungsi sebagai satu mekanisme berstruktur yang mengenal pasti, mengukur, menganalisis, mentafsir dan menyampaikan maklumat yang komprehensif kepada pembuat keputusan. Penelitian secara sistematik akan dibuat ke atas data kewangan dan bukan kewangan bagi mengenalpasti hubungkait, mendapatkan gambaran yang sebenar dan menghasilkan huraian yang lebih bermakna. Maklumat ini akan membantu pihak berkepentingan memantapkan proses perancangan strategi dan pembuatan keputusan dalam proses pengurusan belanjawan, kawalan perbelanjaan dan pengurusan prestasi bagi semua agensi Kerajaan.
- 3.5 Penekanan akan diberikan ke atas aspek Nilai Faedah Yang Terbaik (*Best value for money*) yang merupakan pelengkap kepada pengurusan fiskal Kerajaan. Usaha ini secara langsung dapat meningkatkan tahap kecekapan, keberkesanan dan akauntabiliti Kementerian dalam mengurus kewangan, risiko, sumber dan prestasi perkhidmatan awam dengan memastikan penggunaan sumber secara optimum.

4. Prinsip dan Kerangka SMART

Penghasilan maklumat yang komprehensif dalam SMART adalah berteraskan kepada empat (4) prinsip dan struktur kerangka perakaunan dan pelaporan yang holistik.

4.1 Prinsip SMART

Prinsip SMART seperti yang dinyatakan dalam **Rajah 2** perlu menjadi teras kepada Kementerian dalam menetapkan nilai asas, kualiti dan norma kepada pelaksanaan perakaunan pengurusan yang mengutamakan penciptaan nilai ke atas sumber yang telah digunakan.



Rajah 2: Prinsip SMART

4.1.1 Maklumat Yang Relevan

- (1) Maklumat yang dihasilkan oleh SMART adalah relevan untuk membantu pihak berkepentingan mengenalpasti strategi dan taktik pelaksanaan yang bersesuaian. Dalam konteks Kerajaan Persekutuan, maklumat yang relevan perlu memenuhi ciri-ciri berikut:
 - (i) boleh dicapai dan diakses pada masa yang tepat;
 - (ii) boleh dipercayai; dan
 - (iii) kontekstual (maklumat bersesuaian dengan masa, ruang lingkup Kementerian dan berdasarkan data yang berkaitan).
- (2) Bagi menghasilkan maklumat yang memenuhi ciri-ciri tersebut, prinsip ini memastikan keseimbangan dalam menggunakan data sejarah, data semasa dan unjuran akan datang sebagai asas pertimbangan untuk merancang program, memantau dan mengukur prestasi kewangan serta perkhidmatan. Data berkenaan merangkumi data kewangan dan bukan kewangan sama ada diperolehi secara dalaman atau luaran yang berkait secara langsung dengan fungsi dan operasi Kementerian.

4.1.2 Analisis ke atas Impak

- (1) Analisis yang dilaksanakan di dalam SMART perlu menghubungkan antara strategi yang diambil oleh Kementerian dengan nilai bagi impak yang dihasilkan daripada pelaksanaan Program/Aktiviti secara menyeluruh. Penerapan prinsip ini memerlukan Kementerian mengenal pasti dan melakukan pelbagai simulasi yang dapat memberi pilihan kepada pembuat keputusan agar keputusan terbaik dapat dibuat selepas mengambil kira hubungan, sebab dan akibat di antara input, output, keberhasilan dan impak.
- (2) Pilihan yang dibuat oleh pembuat keputusan hendaklah memberi keutamaan kepada Program/Aktiviti yang dapat mendatangkan keberhasilan atau impak pada nilai yang maksimum dengan risiko yang minimum. Oleh yang demikian, prinsip ini memerlukan pemahaman yang mendalam tentang sifat, fungsi dan operasi untuk mengenalpasti peluang dan risiko Kementerian serta hubungannya dengan keadaan politik, ekonomi, sosial, teknologi, persekitaran dan perundangan semasa.

4.1.3 Maklumat Yang Dipercayai

- (1) Prinsip ini memastikan SMART dapat menghasilkan maklumat yang dipercayai agar sesuatu keputusan dapat dibuat secara lebih objektif.
- (2) Penggabungan pelbagai data dan analisis dalam empat (4) aspek utama SMART adalah untuk memberikan maklumat yang jelas dan lengkap kepada pembuat keputusan agar mereka menyedari potensi konflik yang bakal timbul daripada tindakan atau keputusan yang mereka buat. Maklumat ini akan mendorong pembuat keputusan untuk mengamalkan nilai dan tadbir urus yang baik dengan mengutamakan kepentingan awam dalam membuat keputusan terutama berkaitan perancangan dan pengurusan sumber secara mampan (*sustainable*). Usaha ini akan dapat meningkatkan kredibiliti dan kepercayaan pihak berkepentingan kepada pengurusan Kementerian.


4.1.4 Komunikasi Yang Berpengaruh

Prinsip ini menghendaki kolaborasi usaha dan pemikiran secara bersepadu diantara penyedia laporan SMART dan pengguna maklumat agar maklumat yang komprehensif serta memenuhi keperluan pihak yang berkepentingan dapat dihasilkan dan disampaikan dengan kaedah yang berkesan. Usaha ini memerlukan penyediaan laporan SMART secara berkala dan komunikasi berkesan dalam pelbagai aspek dengan pihak yang terlibat untuk menerima dan memahami maklumat secara telus dan jelas. Seterusnya membina kesepakatan ke atas tindakan terbaik yang diperlukan dan mengelakkan tindakan secara berasingan atau *silo*.

4.2 Kerangka SMART

- 4.2.1 Kerangka SMART seperti di **Rajah 3** menjelaskan hubungan di antara data perbelanjaan yang ditanggung bagi Program/Aktiviti untuk menghasilkan output, keberhasilan atau impak dengan proses analisis dan pembuatan keputusan. Berdasarkan maklumat yang lebih lengkap dan bukti yang kukuh, pembuatan keputusan yang merangkumi pengurusan belanjawan, kawalan perbelanjaan dan pengurusan prestasi sama ada di peringkat Kementerian atau Kerajaan Persekutuan akan dibuat lebih tepat. Oleh itu, jalinan data kewangan dan bukan kewangan yang sistematik dan mantap bagi setiap Program/Aktiviti dalam Perakaunan Pengurusan, Inisiatif secara kolektif ini akan dapat membantu Kerajaan dalam mengurus

keuangan awam yang berhemat dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi mampan (*sustainable*).



Rajah 3: Kerangka SMART

4.2.2 Pembangunan struktur kerangka SMART seperti di **Rajah 3** adalah berteraskan empat (4) prinsip dan ditunjangi oleh empat (4) elemen seperti berikut:

(1) Analisis Penyata Kewangan dan Penilaian Risiko

- (i) Melalui Analisis Penyata Kewangan, maklumat mengenai tafsiran dan huraian ke atas transaksi, item yang signifikan dan peristiwa penting yang dinyatakan dalam Penyata Kewangan serta faktor-faktor yang mempengaruhinya akan dapat diberikan kepada pembuat keputusan.
- (ii) Dalam melaksanakannya, Kementerian perlu mengenal pasti jenis analisis yang bersesuaian agar analisis yang dibuat adalah relevan dengan sifat, fungsi dan operasi Kementerian. Antara jenis analisis yang sesuai dilaksanakan adalah analisis trend, analisis nisbah, analisis varian dan analisis maklumat kualitatif Penyata Kewangan.
- (iii) Maklumat yang dihasilkan oleh analisis ini bertujuan membantu pihak berkepentingan dalam mendapatkan gambaran keseluruhan operasi, prestasi kewangan, kedudukan kewangan termasuk aliran tunai Kementerian pada masa kini dan jangkaan masa hadapan.

- (iv) Berdasarkan maklumat berkenaan, pihak berkepentingan dapat membuat keputusan dan merancang strategi masa hadapan dengan lebih berkesan. Contohnya, membuat anggaran perbelanjaan bagi penggantian aset-aset yang telah usang berdasarkan analisis ke atas nilai buku dan usia guna aset. Oleh itu, analisis ini merupakan pelengkap kepada maklumat yang terdapat dalam Penyata Kewangan.
- (v) Berdasarkan analisis ke atas Penyata Kewangan dan maklumat lain yang berkaitan, Kementerian dapat mengenal pasti risiko dan ketidaktentuan yang dihadapi oleh Kementerian samada berpunca daripada faktor dalaman atau luaran. Maklumat ini penting agar pembuat keputusan memahami pelbagai kemungkinan yang akan memberi impak kepada prestasi, kedudukan kewangan, aliran tunai, sumber manusia, reputasi, imej serta keupayaan Kementerian dalam mencapai objektif Program/Aktiviti Kementerian.
- (vi) Penilaian risiko perlu dilaksanakan melalui proses mengenal pasti, mengukur, menilai impak dan kebarangkalian, membuat pemetaan matriks dan pengelasan tahap risiko atau ketidaktentuan bagi menentukan signifikansinya. Berdasarkan data berkenaan, penjelasan akan dibuat mengenai keadaan risiko atau ketidaktentuan yang dihadapi, perubahan dalam risiko serta strategi yang perlu diambil untuk mengawalinya.
- (vii) Strategi mitigasi risiko dan ketidaktentuan merangkumi tindakan berikut:
 - (a) Memindahkan;
 - (b) Mengelakkan;
 - (c) Mengurangkan; dan
 - (d) Menyerap risiko atau ketidaktentuan pada kadar yang minimum.

Keputusan mengenai strategi ini penting bagi meminimalkan impak risiko ke atas kualiti penyampaian perkhidmatan Kementerian pada masa hadapan.

(2) Pengekosan

- (i) Pengekosan adalah teknik untuk mengenal pasti secara terperinci jumlah kos yang terlibat dalam menghasilkan produk/perkhidmatan di peringkat Kementerian dan PTJ. Ia merangkumi proses pengkelasan, perekodan dan proses memperuntukkan perbelanjaan kepada output dan keberhasilan yang telah dicapai oleh Program/Aktiviti Kementerian dalam tempoh tertentu.
- (ii) Pengenalpastian kos akhir produk/perkhidmatan berupaya membantu Kementerian dalam membuat keputusan secara efektif berkaitan kecekapan dan keberkesanan. Seterusnya, inisiatif ini boleh menyumbang ke arah pengurangan pembaziran dalam proses kerja yang akan menggalakkan penggunaan sumber kewangan secara optimum.
- (iii) Dalam memastikan teknik pengekosan ini dapat dilaksanakan secara menyeluruh di setiap peringkat Kementerian dan seterusnya menyumbang ke arah pencapaian keberhasilan di peringkat Nasional, Kementerian akan menggunakan maklumat *Key Performance Indicator* (KPI), Kerangka Keberhasilan Kementerian dan Kerangka Keberhasilan Nasional yang telah dibangunkan di bawah OBB. Mengambil kira struktur semasa dan hierarki pengoperasian organisasi Kerajaan Persekutuan, pengekosan boleh dibuat menerusi *iGovernment Financial Management Accounting System* (iGFMAS) melalui modul MyCost yang terdiri daripada tiga (3) sub-modul, iaitu :
 - (a) Pengekosan Berasaskan Pusat Tanggungjawab (PTJ) - *PTJ Based Costing* (PBC)

PBC melibatkan proses mengenal pasti, mengukur, menganalisis, mentafsir dan menyampaikan jumlah kos bagi setiap output yang dihasilkan oleh Program/Aktiviti di peringkat PTJ. Ia menjelaskan hubungan antara input dan output untuk mengukur kecekapan operasi dan kecekapan kos bagi memantapkan proses pembuatan keputusan di PTJ.

(b) Pengekosan Berasaskan Keberhasilan - *Outcome Based Costing* (OBC)

OBC melibatkan proses mengenal pasti, mengukur, menganalisis, mentafsir dan menyampaikan maklumat yang komprehensif bagi setiap keberhasilan yang dihasilkan oleh Program/Aktiviti di peringkat Kementerian dan sumbangannya ke peringkat nasional. Ia menjelaskan hubungan antara output dan keberhasilan (*outcome*) bagi mengukur keberkesanan polisi, keberkesanan operasi dan keberkesanan kos.

(c) *Micro Costing* (MC)

MC adalah kaedah pengekosan yang melibatkan pengumpulan data secara terperinci ke atas input yang digunakan bagi program/aktiviti tertentu. Pengekosan ini akan disediakan secara *ad hoc* mengikut keperluan pihak berkepentingan. Namun, penjanaan maklumatnya bergantung kepada kewujudan data yang diperolehi daripada sistem luaran yang berintegrasi dengan sistem iGFMAS.

(3) Analisis Sumber

- (i) Analisis sumber adalah kaedah untuk meneliti secara terperinci kecekapan Kementerian dalam menggunakan sumber yang telah diperuntukkan (input) untuk penghasilan output, keberhasilan dan impak yang ditetapkan. Sumber yang biasanya digunakan dalam penyampaian Perkhidmatan Awam di Kementerian adalah sumber manusia, sumber kewangan, sumber infrastruktur (aset) dan/atau bahan mentah.
- (ii) Analisis sumber juga berperanan untuk mengenal pasti sumber-sumber lain yang boleh digunakan oleh Kementerian untuk menampung sumber sedia ada yang telah dikenal pasti seperti sumber asli (boleh diperbaharui dan tidak boleh diperbaharui) dan sumber tak ketara seperti sumber intelek serta sumber sosial dan perhubungan.
- (iii) Proses analisis akan dibuat dengan mengambil kira hubung kait di antara semua sumber berkenaan (sama ada dalam bentuk kuantiti dan/atau nilai perbelanjaan yang ditanggung)

dengan output, keberhasilan dan impak yang dicapai oleh Program/Aktiviti Kementerian berbanding penggunaan asal yang telah ditetapkan.

- (iv) Jenis analisis yang boleh digunakan oleh Kementerian adalah bergantung kepada objektif dan skop analisis yang ditentukan oleh pihak berkepentingan. Antaranya adalah analisis penggunaan sumber, analisis trend dan analisis kos dan faedah (*cost and benefit analysis*).
- (v) Maklumat mengenai perakaunan sumber ini boleh digunakan sebagai kawalan dalaman, pengenalpastian samada sumber yang diberikan telah digunakan secara optimum atau tidak dan pembuat keputusan dalam pengurusan aset. Antara contoh keputusan adalah sama ada menyediakan perkhidmatan sendiri secara dalaman atau sumber dari luar (*outsourcing*), penetapan harga produk/perkhidmatan, merancang strategi dalam pengagihan sumber dan pengolohan modal pada masa akan datang.

(4) Pengukuran Prestasi

- (i) Pengukuran prestasi adalah proses membangunkan petunjuk dalam bentuk kuantitatif, kualitatif dan/atau deskripsi kualitatif yang boleh dipantau secara sistematik. Maklumat ini boleh digunakan untuk menilai kecekapan dan keberkesanan Kementerian dalam menggunakan sumber yang diperuntukan bagi menyediakan produk/perkhidmatan dan mencapai objektif Program/Aktiviti yang telah dilaksanakan.
- (ii) Kecekapan boleh diukur melalui hubung kait antara sumber yang digunakan (input) untuk menghasilkan produk/perkhidmatan (output) dan keberhasilan Program/Aktiviti. Keberkesanan pula boleh diukur dengan membuat perbandingan di antara pencapaian sebenar dengan sasaran asal Kementerian.
- (iii) Maklumat ini penting bagi membantu pihak berkepentingan dalam membuat perancangan, pemantauan pengurusan belanjawan, kawalan perbelanjaan dan pengurusan prestasi Kementerian.

- (iv) Pengukuran prestasi juga boleh menjadi asas utama kepada proses penambahbaikan secara berterusan yang menjadi pemangkin kepada peningkatan kualiti penyampaian Perkhidmatan Awam. Inisiatif ini berupaya memastikan pengurusan kewangan dapat dibuat secara cekap, berkesan dan berakauntabiliti di Kementerian.


5. Faedah Pelaksanaan SMART

Pelaksanaan SMART dapat meningkatkan kecekapan, keberkesanan dan akauntabiliti di semua peringkat Kementerian melalui penekanan ke atas tadbir urus yang baik (*good governance*), Nilai Faedah Yang Terbaik (*Best value for money*) dan penggunaan sumber secara optimum. Laporan SMART yang dihasilkan berupaya untuk:

- 5.1 Memantapkan proses pengurusan belanjawan dan perancangan strategik Kementerian;
- 5.2 Mengenal pasti tindakan penambahbaikan ke atas pengurusan kewangan secara menyeluruh; dan
- 5.3 Memberi bukti dan petunjuk yang menggambarkan prestasi sebenar Kementerian dalam penyampaian perkhidmatan awam bagi membolehkan penilaian dibuat di pelbagai peringkat dari segi kecekapan dan keberkesanan secara lebih tepat serta menyeluruh.


6. Tadbir Urus SMART

- 6.1 Bagi memastikan pelaksanaan yang menyeluruh dan berkesan di peringkat nasional dan Kementerian, dua (2) jawatankuasa induk telah ditubuhkan di JANM iaitu:
 - (i) Jawatankuasa PEMANDU Perakaunan Pengurusan; dan
 - (ii) Jawatankuasa Kerja Perakaunan Pengurusan (JKPP).
- 6.2 Di peringkat pusat, JKPP Perakaunan Pengurusan akan merancang, menyediakan polisi dan menambah baik garis panduan, program latihan serta sistem sokongan automasi untuk diluluskan oleh Jawatankuasa PEMANDU sebelum diguna pakai oleh semua Kementerian. Di peringkat Kementerian, Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akruan berfungsi untuk memantau pelaksanaan SMART dan melaporkan status pelaksanaan setiap suku tahun kepada JKPP. Hubung kait di antara jawatankuasa tersebut, dipaparkan dalam **Rajah 4** di bawah.



Rajah 4: Struktur Tadbir Urus Pelaksanaan SMART

6.3 Bagi memastikan keberkesanan maklumat yang dihasilkan oleh SMART dalam proses pembuatan keputusan, Laporan SMART setiap Kementerian akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) setiap suku tahun. Laporan berkenaan dianalisis oleh JANM secara menyeluruh untuk dibentangkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Prestasi Pusat (CPMC) dalam proses belanjawan. Laporan ini juga akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Ketua Setiausaha & Ketua Perkhidmatan (KSUKP) mengikut keperluan. Ringkasan aliran pelaporan ini adalah seperti di **Rajah 5**.



Rajah 5: Struktur Aliran Pelaporan SMART

7. Tanggungjawab Pegawai Pengawal

Bagi melancarkan pelaksanaan SMART di setiap peringkat secara efektif dan menyeluruh, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk memastikan tindakan-tindakan berikut diambil dengan sewajarnya:

- 7.1 Menetapkan pelaksanaan SMART sebagai *Key Performance Indicator* (KPI) Kementerian.
- 7.2 Membangunkan modal insan yang berterusan bagi pegawai yang terlibat dengan Perakaunan Pengurusan dan Perakaunan Kewangan.
- 7.3 Mematuhi empat (4) prinsip SMART dalam penyediaan maklumat Penyata Kewangan Kementerian, *Key Performance Indicator* (KPI), Kerangka Keberhasilan Kementerian dan Kerangka Keberhasilan Nasional yang telah dibangunkan di bawah OBB serta perkara lain yang berkaitan dengan pelaksanaan Perakaunan Pengurusan dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- 7.4 Memantau dan membentangkan status pelaksanaan SMART dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kementerian.
- 7.5 Menyediakan Laporan SMART yang menyeluruh dan disatukan, berdasarkan format yang ditetapkan oleh JANM serta dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA). Kementerian juga hendaklah memastikan laporan ini dikemukakan kepada JANM dalam tempoh yang ditetapkan.
- 7.6 Melaksanakan pemantauan tahap kecekapan dan keberkesanan Program/ Aktiviti Kementerian yang meliputi aspek pencapaian prestasi perkhidmatan, prestasi kewangan dan fizikal projek di bawah kitaran strategik OBB berdasarkan maklumat yang dinyatakan dalam Laporan SMART.
- 7.7 Memastikan komitmen dan penglibatan semua pihak dalam memberi input yang relevan berkaitan fungsi utama Kementerian bagi penghasilan output yang memberi impak kepada Pemegang Taruh Kementerian.

8. Pembatalan

Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perbendaharaan ini, Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam Bilangan 3 Tahun 1992 Garis Panduan Sistem Perakaunan Mikro adalah dibatalkan.

9. Garis Panduan Pelaksanaan Perakaunan Pengurusan

Garis Panduan Pelaksanaan Perakaunan Pengurusan akan dikeluarkan oleh JANM dari semasa ke semasa.